

29/03/1999

Tindakan bijak tolak pil IMF

Kadir Dikoh

SEKARANG, selepas kira-kira 20 bulan dibelenggu kegawatan ekonomi, keadaan paling buruk krisis ekonomi negara sudah berlalu. Jualan kenderaan meningkat, pasaran hartanah mengukuh, bank kembali memberi pinjaman dan kegiatan industri bergerak semula. Keyakinan pengguna kembali menjelma.

Laporan tahunan Bank Negara Malaysia (Bank Negara) yang dikeluarkan minggu depan, akan menyingkap lebih jelas pemulihan itu dengan perangkaan terbaru pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai sektor. Unjuran terkini Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun ini juga akan diumumkan.

Namun, ketika Malaysia menuju ke arah itu, negara jiran terutama Thailand dan Indonesia serta Korea Selatan pula masih merangkak untuk membebaskan diri daripada belenggu krisis kewangan. Tiga negara itu berada di bawah naungan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) apabila menerima bantuan bersyarat berbilion dolar Amerika.

Menurut laporan terbaru majalah Time bertarikh 29 Mac ini, kemelesetan ekonomi Thailand semakin buruk. Pertumbuhan ekonominya menguncup lapan peratus tahun lalu dan diunjurkan untuk terus menguncup tahun ini. Hampir separuh daripada jumlah pinjaman bank negara itu, kini menjadi pinjaman tidak berbayar (NPL) menyebabkan prospek kemasukan pelaburan baru agak tipis.

Time melaporkan, untuk beberapa bulan kebelakangan ini, penganalisis meramalkan Thailand akan muncul negara Asia yang pertama untuk pulih, sebagaimana ia menjadi negara pertama terjebak dalam krisis pada pertengahan 1997. Peliknya, Time sendiri sebelum ini pernah melaporkan Thailand selain Indonesia dan Korea akan pulih lebih cepat konon dengan bantuan IMF sambil memuji-muji kesanggupan tiga negara itu patuh kepada syarat ketat IMF. Tetapi, kira-kira dua juta rakyat Thailand sudah hilang pekerjaan sejak krisis tercetus, hampir 40 bank di Indonesia terpaksa ditutup dan kekuatan ekonomi Korea Selatan yang berasaskan industri pembuatan hampir lumpuh, sebahagian besarnya berpunca daripada pendekatan IMF yang tidak praktikal.

Antara tiga syarat utama bantuan IMF yang menjejaskan sesebuah negara ialah negara penerima bantuan dipaksa membuka pasaran kewangan, mesti mengamalkan kadar faedah tinggi dan meningkatkan cukai. Bank diminta mengetatkan pengeluaran pinjaman dan bank bermasalah mesti ditutup. Bagi Malaysia, semua ini tidak boleh diterima, kerana syarat berkenaan hanya bermakna institusi kewangan asing akan berupaya mendapat wang mereka semula tetapi rakyat negara penerima sengsara.

Dasar kewangan IMF yang menjurus kepada kadar faedah yang tinggi, bagi kebanyakan rakyat di negara penerima, bermakna kehilangan pekerjaan serta kenaikan harga barang dan bagi peniaga kecil pula, terpaksa menggulung tikar. Selepas AS\$181 bilion (RM687 bilion) dibelanjakan untuk menyelamatkan ekonomi Indonesia, Thailand, Korea Selatan, Russia dan yang terbaru Brazil, IMF masih gagal menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi oleh pasaran kewangan dunia.

Minggu lalu, Kerajaan Indonesia mengumumkan penutupan 38 bank bermasalah dan mengambil alih tujuh yang lain. Beribu pengangguran dan begitu juga di Thailand dan Korea. Indonesia lebih parah apabila kesan syarat IMF itu menimbulkan masalah sosial. Rakyatnya berarak dan menunjuk perasaan di jalanan hingga tercetus pergaduhan kaum apabila periuk nasi mereka terjejas. Bayangkan harga susu tepung naik sehingga 200 peratus.

Di Bangkok kelmarin, kira-kira 3,000 kakitangan awam berarak ke rumah

kerajaan bagi membantah pelan penswastaan besar-besaran kerajaan mereka ketika Kabinet bersedia meluluskan komitmen terbarunya kepada IMF.

Namun, Malaysia terlepas daripada 'memakan pil IMF' apabila berusaha sendiri memerdekakan dasar ekonomi domestik dengan tidak mengikut telunjuknya mengetatkan dasar kewangan fiskal seperti menaikkan kadar faedah, mengekang kredit dan mengurangkan perbelanjaan awam.

Pemulihan ekonomi Malaysia tidak akan berlaku jika ia turut bernaung di bawah IMF. Namun, kita sebenarnya sudah merasai bahang seperti di Indonesia dan Thailand sebelum September tahun lalu. Selepas November 1997, Malaysia mengguna pakai pendekatan IMF dengan mengetat dasar kewangan negara. Menteri Kewangan ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim tunduk kepada kemahuan IMF dengan mengenakan dasar kadar faedah tinggi dan kekangan kredit bank.

Akibatnya, Malaysia menerima padah apabila pertumbuhan ekonomi negara menguncup selepas amalan IMF itu diguna pakai lebih enam bulan dan terjerumus ke era kemelesetan buat kali pertama dalam tempoh 13 tahun. Banyak syarikat gulung tikar dan mengalami kerugian apabila gagal membayar balik hutang bank. Nilai pinjaman bank meningkat berkali ganda disebabkan kenaikan kadar faedah. Apabila banyak hutang tidak dibayar, maka pinjaman menjadi hutang lapuk sehingga NPL bank naik mendadak. Kos pinjaman antara bank turut naik menyebabkan kegiatan pembiayaan mereka menurun.

Orang ramai sukar mendapat pinjaman bank dan bank pula sukar memberi pinjaman. Apabila ini berlaku, kitaran ekonomi bagaikan lumpuh. Kesan sampingannya begitu meluas. Apabila banyak syarikat ditutup, pengangguran bertambah dan apabila syarikat terus mengalami kerugian, ia terpaksa membuang pekerja bagi mengekang tekanan krisis. Inflasi meningkat menyebabkan harga barangan naik dan akhirnya setiap lapisan masyarakat sama ada peniaga, petani, pekerja awam, swasta dan suri rumah merasai zaman sukar itu.

Bagi mereka yang membuat pinjaman pembelian rumah, terpaksa membayar lebih daripada bayaran tetap bulanan kepada bank atau tempoh bayaran balik dipanjangkan. Ramai yang merungut apatah lagi kerja lebih masa di tempat kerja masing-masing dikurang atau ditiadakan, gaji dipotong, elaun dimansuh tetapi mereka ini harus bersyukur kerana tidak dibuang kerja berbanding beribu yang lain terpaksa 'balik kampung tanam jagung'.

Inilah keadaan di negara Asia yang mengguna pakai pendekatan IMF apatah lagi yang sudah menerima bantuan IMF dengan pelbagai syarat ketat yang langsung bagaikan tiada pertimbangan aspek sosial tetapi menjurus kepada 'IMF menang, orang lain merana'.

Keadaan ekonomi yang rapuh mengikut resipi IMF seperti itu memang ditunggu oleh pedagang mata wang dan pemain saham antarabangsa untuk merempuh pasaran Malaysia. Indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang sebelum itu berlegar di sekitar 1,000 mata, merudum sehingga ke paras terendah 262 mata pada September lalu dan ringgit pula jatuh teruk berbanding dolar Amerika sehingga mencecah melebihi RM4.50. Sekali lagi, syarikat gergasi tempatan seperti Telekom Malaysia, Tenaga Nasional dan Penerbangan Malaysia (MAS) yang mempunyai hutang dalam mata wang asing terpaksa menanggung beban semata-mata kerana kerugian tukaran asing dan kenaikan kadar faedah.

"Malaysia mungkin bankrap jika menunggu IMF mengawal dagangan mata wang yang melemahkan ekonomi negara Asia. Walaupun kami tidak meminta sebarang bantuan pinjaman daripada IMF, badan dunia itu sering datang ke sini (Kuala Lumpur) dan memberi nasihat apa yang harus kami lakukan," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu temu bual dengan majalah mingguan baru, Executive Intelligence Review (EIR) yang dikeluarkan di Washington Februari lalu.

Tambah Dr Mahathir: "IMF mempunyai banyak pengaruh terhadap bekas

Menteri Kewangan (Anwar Ibrahim) dan bank pusat ... mereka mengikut syarat ditetapkan oleh IMF. Akibatnya, ekonomi jatuh merudum. Syarikat dan bank jatuh bankrap."

Menyedari keadaan yang semakin meruncing, kerajaan mengubah strategi secara drastik selepas September 1998 dengan menolak sama sekali pendekatan IMF. Kerajaan melakukan perubahan mendadak dengan melonggarkan dasar kewangan negara. Dasar tukaran asing secara berpilih diperkenalkan dan ringgit ditetapkan pada kadar RM3.80 bagi setiap dolar Amerika. Kadar faedah diturunkan dan Rizab Keperluan Berkanun (SRR) dipotong bagi membekalkan lebih banyak dana dalam sistem perbankan, membolehkan pinjaman antara bank lebih mudah.

Berikutan itu, bank kembali cergas mengeluarkan pinjaman dan orang ramai termasuk korporat mudah mendapat pinjaman. Penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) membeli NPL dan Danamodal Nasional Bhd (Danamodal) bagi menyuntik dana ke dalam bank lemah, menyelamatkan sistem perbankan sebagai tulang belakang ekonomi negara.

Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) di bawah kelolaan Bank Negara, ditubuh menjadi orang tengah menyelesaikan hutang di antara syarikat dan kreditor (bank). Setakat ini, 45 syarikat dengan jumlah hutang bernilai RM25 bilion meminta bantuan CDRC dan dengan itu, bank tidak perlu mengambil tindakan mahkamah kerana akhirnya boleh mengheret kepada pengisytiharan muflis jika gagal membayar balik hutang walaupun syarikat itu mungkin berupaya membantu menggerak semula ekonomi jika terus diberi peluang untuk hidup.

Langkah berani kerajaan itu menampakkan kesan. Jualan kenderaan bermotor tempatan meningkat 208 peratus kepada 21,207 unit pada Februari tahun ini berbanding 6,872 unit yang dijual pada bulan sama 1998. Jualan kenderaan pada Februari 1999 menyaksikan kenaikan 15.3 peratus berbanding 18,397 unit dijual Januari lalu. Ini mengesahkan pemulihan ekonomi berada dalam laluan dengan kembalinya keyakinan pengguna.

Melihat perkembangan ini, IMF mungkin akan berasa bersalah terhadap rakyat Thailand, Indonesia dan Korea Selatan. Amat mengejutkan tetapi tidak menghairankan apabila IMF sendiri mengakui kesilapan dalam mengendalikan krisis ekonomi Asia kerana terlalu yakin dan membuat penilaian yang salah terhadap tindak balas pasaran. Ini terkandung dalam satu dokumen dalaman IMF yang diterbitkan di Washington Januari lalu. Ketika Indonesia dan Thailand mula menerima bantuannya, ramai penganalisis pasaran antarabangsa membuat spekulasi bahawa Malaysia lambat-laun akan mengikut jejak dua negara jiran itu. Ramalan itu meleset.

IMF sejak kebelakangan ini memang dikritik hebat kerana gagal mengatasi krisis kewangan di Asia. Ubat mujarab konon dibawanya untuk menyembuh penyakit ekonomi, rupanya tersilap pil dan kesannya memburukkan lagi keadaan.

Baru-baru ini, menteri Russia, Yury Maslyukov menuduh pemimpin IMF, Michel Camdessus memberi tekanan melampaui batas terhadap Moscow ketika perbincangan mengenai bantuan ekonomi. "Camdessus meminta terlalu banyak untuk menang dan memaksa kami melakukan sesuatu yang tidak dapat diterima," kata Maslyukov.

Di Bangkok, bekas menteri kewangan Virabongsa Ramangkura dipetik oleh Bangkok Post minggu lalu sebagai berkata usaha memulihkan ekonomi Thailand menemui kegagalan sambil menasihatkan rakyatnya bersedia menghadapi suasana lebih sukar.

Awal bulan ini di Tokyo, Menteri Kewangan Jepun, Kiichi Miyazawa berkata tindakan IMF mengenakan dasar kewangan ketat ke atas negara yang menghadapi krisis untuk merangsang mata wang, boleh `merosakkan' ekonomi negara terbabit malah menjejaskan imej badan dunia itu sendiri.

Ekonomi Korea Selatan yang kekuatannya berasaskan sektor pembuatan

terjejas teruk berikutan syarat ketat pakej IMF yang keterlaluan.

Sekarang, Malaysia bukan saja membuktikan kebijaksanaannya menolak bantuan IMF malah mengejutkan dunia dengan strategi drastik pemulihan ekonomi yang tidak dijangka langsung oleh masyarakat antarabangsa. Walaupun pada mulanya langkah kawalan berpilih tukaran asing diperkenalkan negara itu dikecam, ia kini terbukti berhasil merangsang pemulihan ekonomi dan sejak kebelakangan ini mula mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa.

(END)